

SEMINAR PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI SABAH

Tarikh

5 JUN 2003

Tajuk

Penerbitan Akhbar Bahasa Melayu di Sabah

oleh

Encik Andi Samsiar Andi Jaya

anjuran

**Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia**

dengan kerjasama

**Jabatan Muzium Sabah
Jabatan Penerangan Sabah
Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah
Persatuan Wartawan Sabah**

**PENERBITAN AKHBAR BAHASA MELAYU DI SABAH: PERANANNYA
DALAM PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU**

Oleh SURYA IRAWAN

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini hanya sebuah catatan kecil yang ditulis berdasarkan tiga panduan, ingatan, pengalaman dan sedikit kajian (penyelidikan) yang mungkin tidak seilmiah mana. Tajuk asal yang diberikan kepada saya ialah Penerbitan Akhbar Bahasa Melayu di Sabah. Saya mengubah atau lebih tepat menambah tajuk ini kepada Penerbitan Akhbar Bahasa Melayu di Sabah : Peranannya dalam Perkembangan Bahasa Melayu. Perubahan atau penambahan ini saya lakukan dengan tujuan untuk memperluas skop pembicaraan di samping menyelaraskannya dengan tajuk seminar ini iaitu Seminar Perkembangan Bahasa Melayu di Sabah.

Perkataan akhbar bahasa Melayu seperti dalam tajuk kertas ini perlu ditakrifkan sebagai edisi bahasa Melayu atau halaman bahasa Melayu dalam akhbar-akhbar tempatan berbahasa Inggeris. Ini adalah kerana walaupun Sabah telah 40 tahun merdeka menerusi Malaysia, belum ada sebuah pun penerbitan akhbar berbahasa Melayu yang kukuh kedudukannya di Sabah. Hampir semua akhbar bahasa Melayu di Sabah merupakan sisipan, kepada akhbar berbahasa Inggeris, sekurang-kurangnya dari segi pemasaran.

Kertas ini akan membicarakan secara umum mengenai penerbitan akhbar bahasa Melayu di Sabah mengikut takrif itu, perubahan-perubahan yang dialaminya, peranannya dalam perkembangan bahasa Melayu dan masyarakat pada umumnya, terutama dalam menghadapi era Teknologi Maklumat, globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang menjanjikan terlalu banyak cabaran.

1. Latar Belakang Bahasa Melayu di Sabah

Sebelum menjurus kepada persoalan pokok yang akan dibincangkan dalam kertas ini, ada baiknya terlebih dahulu kita membicarakan serba sedikit tentang latar belakang serta sejarah perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu di Sabah. Ini perlu kerana bahasa ialah alat penting bagi menyampaikan sesuatu hasrat yang berkait rapat dengan penerbitan sesebuah akhbar atau apa sahaja bentuk penerbitan bercetak.

Sebagai bahasa perhubungan (lingua franca) dan bahasa pentadbiran yang penting di beberapa bahagian Nusantara sejak berkurun-kurun lamanya, bahasa Melayu juga memang telah lama wujud di Sabah. Malah ada pendapat mengatakan bahawa bahasa Melayu telah wujud dan bertapak di Sabah sejak kurun ke-14 lagi. Ini berdasarkan kepada perkembangan dan penyebaran agama Islam di Sabah yang dikatakan bermula pada kurun tersebut. Penyebaran dan pengajaran agama Islam kepada penduduk peribumi pada waktu itu dijalankan dalam bahasa Melayu. Kesimpulannya bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa perhubungan antara kaum peribumi dengan para pendatang, tetapi juga antara sesama kaum peribumi itu sendiri yang terdiri daripada pelbagai etnik serta bahasa ibunda masing-masing.

Menurut Summer Institute of Linguistics 1980 Annual Report to The State Government of Sabah 1980, terdapat tiga suku kaum di Sabah yang bahasa ibunda mereka ialah bahasa Melayu, iaitu suku kaum Brunei, Kedayaan dan Cocos.

Menurut Dr Abu Bakar Hamzah, pencapaian terpenting suku kaum Brunei ialah kejayaan mereka dalam memelopori perkembangan bahasa Melayu di Sabah sehingga bahasa ini menjadi salah satu "lingua franca" atau bahasa perantara di negeri ini, sungguhpun bilangan mereka kecil jika dibandingkan dengan sesetengah suku kaum bumiputera yang lain.

Pada zaman penjajahan, pihak penjajah telah menyedari tentang betapa pentingnya bahasa Melayu sebagai alat perhubungan dengan masyarakat yang mereka jajah. Disebabkan itulah para pegawai Inggeris yang hendak dihantar untuk berkhidmat di Sabah akan diwajibkan terlebih dahulu mempelajari bahasa Melayu. Perkara ini juga berlaku di Indonesia terhadap penjajah Belanda. Para pegawai Belanda yang berkhidmat di Indonesia harus tahu berbahasa Melayu.

Memandangkan pentingnya bahasa Melayu inilah maka pada masa pemerintahan Charter Company (Syarikat Berpiagam) di Sabah, telah didirikan sebuah sekolah yang dinamakan *Government Vernacular School* yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya, walaupun hanya setakat darjah lima. Keputusan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah itu dibuat selepas para pegawai pelajaran pihak berkuasa mengadakan pertemuan dengan para pemimpin suku-suku kaum peribumi,

khususnya di kalangan suku kaum Bajau, Dusun, Murut dan Brunei, (Ismail Abbas 1988).

Peringkat yang paling rancak dan memberangsangkan dalam perkembangan dan pengembangan bahasa Melayu di Sabah ialah apabila dua buah persatuan penulis, iaitu Angkatan Persuratan Melayu Sabah (APMS) pimpinan R. M. Jasni dan Persatuan Penulis-Penulis Sabah (Perpesa) yang diketuai Noraini Haji Salleh (Suhani S) dibubarkan dan kemudian menubuhkan Badan Bahasa Sabah (BAHASA). Penubuhan BAHASA yang dipimpin Datuk Dzulkifli Abdul Hamid dan Jamdin Buyong (kini Datuk) benar-benar merencanakan kegiatan kesusasteraan dan kebahasaan di Sabah.

Sebenarnya, Badan Bahasa Sabah (BAHASA) merupakan wadah bagi para penulis Sabah untuk memperjuangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu, bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Sabah, tetapi juga sebagai bahasa perpaduan di kalangan pelbagai suku-suku kaum di negeri ini. Ternyata penubuhannya juga mendapat restu dan sokongan penuh pihak kerajaan. Kerana itu hanya beberapa bulan selepas menubuhannya, BAHASA telah menunjukkan kemampuannya menganjurkan seminar bahasa Malaysia yang pertama di Sabah pada 4hb hingga 6hb Ogos, 1970. Antara resolusi yang diluluskan dalam seminar ini ialah:

1. Mendesak kerajaan agar penggunaan bahasa Malaysia (Melayu) dalam bidang pentadbiran, perniagaan dan alat sebaran am seperti radio, televisyen dan surat khabar diperluas dan penggunaannya mestilah melebihi bahasa-

bahasa lain dan selewat-lewatnya pada 1973 hendaklah digunakan 100 peratus.

2. Membentuk sebuah yayasan semi kerajaan yang berdiri sendiri bagi menerbitkan majalah, akhbar dan buku-buku yang menimbulkan minat pembaca dalam bidang sastera.
3. Mendesak pihak penerbit-penerbit akhbar dan majalah agar memberi bayaran kepada setiap hasil tulisan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar berkenaan.
4. Mendesak kerajaan supaya menggunakan satu sistem pelajaran kebangsaan menggunakan satu sahaja bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah.

Kejayaan BAHASA mengadakan Seminar Bahasa Melayu yang pertama di Sabah disusuli dengan penerbitan majalah bulanan *BAHASA* yang dianggap sebagai majalah terbaik yang pernah diterbitkan pada masa itu kerana mengandungi pelbagai bidang ilmu, termasuk kesusasteraan dan bahasa.

“Kalau ditinjau dari segi bentuk dan isinya, mungkin dapat saya katakan bahawa inilah julung-julung kalinya sebuah majalah yang berbahasa Melayu seluruhnya diadun dengan baik dan sempurna serta bercetak dengan kertas yang baik” (Abdul Aziz Ahmad, *Cerpen-cerpen Melayu Sabah (1963-1975) : Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur*)

Selain daripada itu, BAHASA juga berjaya meyakinkan kerajaan untuk menubuhkan sebuah biro, Biro Bahasa dan Terjemahan di Jabatan Ketua Menteri yang diketuai oleh Jamdin Buyong dan Haji Johari Alias.

Selepas BAHASA membekukan kegiatan untuk beberapa tahun lamanya, sebuah lagi persatuan penulis ditubuhkan iaitu Gabungan Penulis-Penulis Sedar (GAPURA) yang dipimpin oleh Seniman (Abdul Hamid Awang) dan Surya Irawan. Sebenarnya penubuhan GAPURA bertujuan untuk meneruskan perjuangan BAHASA yang pada masa itu tidak aktif lagi. Bagaimanapun, objektif serta matlamat perjuangannya tidaklah berbeza.

Sepanjang kegiatannya antara 1976 hingga 1984, GAPURA telah berjaya melaksanakan beberapa kegiatan besar, termasuk menganjurkan Hari Puisi Nasional '79, sayembara menulis novel Yayasan Sabah-GAPENA dan penerbitan akhbar mingguan tabloid *Utusan Rakyat* yang berbahasa Melayu sepenuhnya. Inilah surat khabar ketiga berbahasa Melayu sepenuhnya yang pernah terbit di Sabah. Surat khabar berbahasa Melayu sepenuhnya yang pertama terbit ialah *Fajar Sabah* pada 1965 dan *Utusan Bumiputera* pada tahun yang sama.

Atas usaha GAPURA jugalah maka kemasukan Dewan Bahasa dan Pustaka ke Sabah dapat dipercepatkan.

Perkembangan persuratkhabaran di Sabah

Sejarah persuratkhabaran di Sabah bermula selepas Perang Dunia Kedua, iaitu lebih tujuh dekad selepas terbitnya akhbar Jawi Peranakan di Singapura pada tahun 1876. Akhbar pertama terbit di Sabah ialah *The North Borneo News* pada tahun 1948. Bagaimanapun akhbar ini diterbitkan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Pada tahun 1952 akhbar *Sabah Times* pula diterbitkan, juga dalam bahasa Inggeris.

Kedua-dua akhbar ini kemudian bercantum dan dinamakan *The North Borneo News and Sabah Times*. Pada masa inilah akhbar ini menyediakan ruangan untuk bahasa Melayu tetapi amat terhad. Menurut Abdul Aziz Ahmad, halaman bahasa Melayu akhbar itu pada dekad 50-an digilir-gilirkan siarannya dengan bahasa Kadazan, atau setengah muka bahasa Melayu dan setengah muka lagi bahasa Kadazan. Pada tahun 1954 barulah akhbar ini menambah sedikit ruangan bahasa Melayunya. Berdasarkan perkembangan dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat, maka perkembangan persuratkhabaran di Sabah boleh dibahagikan kepada tiga peringkat seperti berikut:

1. Era pascaperang (era penjajahan), iaitu bermulanya sejarah penerbitan akhbar di Sabah sehinggalah Sabah mencapai kemerdekaan menerusi penubuhan Malaysia;
2. Era awal pascamerdeka dan;
3. Era Teknologi Maklumat (IT) dan globalisasi yang lebih mencabar dan kini sedang kita hadapi.

Pada era pascaperang (era penjajahan) hanya terdapat dua buah akhbar yang diterbitkan di Sabah iaitu akhbar *The North Borneo News* merupakan akhbar yang pertama diterbitkan di Sabah dan akhbar *Sabah Times*, yang kemudian bergabung dengan nama baru *The North Borneo News and Sabah Times*. Pada tahun 1954 akhbar ini menyediakan ruangan bahasa Melayu. Namun masih amat terhad dan berita atau tulisan-tulisan yang disiarkan dalam ruangan bahasa Melayu ini pula hanyalah cerita-cerita ringan, kadang-kadang juga disi dengan pantun.

Pada awal tahun 1960-an, akhbar ini menambah ruangan bahasa Melayunya serta menyiarkan berita-berita semasa untuk bacaan umum, karya-karya sastera, cerpen dan sajak. Pada bulan Mac 1963, Sabah Publishing House (Balai Penerbitan Sabah) menerbitkan akhbar dwi bahasa *Daily Express* dengan ruangan bahasa Melayu yang lebih banyak dan menyiarkan berita-berita dan rencana semasa serta menyediakan ruangan untuk karya-karya kesusasteraan. Di sinilah bermulanya persaingan dalam persuratkhabaran di Sabah. Di Sandakan sebuah akhbar mingguan, *Sandakan Sunday News* juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, tetapi tidak bertahan lama.

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia pada 16 September 1963, perkembangan persuratkhabaran di Sabah semakin maju. Pada 1969 akhbar *Sabah Times* bergabung dengan *Kinabalu Times* yang terbit sebelum itu dan dinamakan *Kinabalu Sabah Times*. Ruangan bahasa Melayu dalam akhbar ini juga bertambah kepada tiga muka dengan menyiarkan berita-berita semasa, politik, sukan, sastera dan budaya, serta rencana-rencana mengenai kegiatan belia.

Pada tahun 1973 Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) menerbitkan akhbar mingguan tiga bahasa dengan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya diikuti dengan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Akhbar ini yang matlamatnya untuk menyebarkan syiar Islam di Sabah, bukan sahaja menyiarkan berita atau rencana-rencana yang bersifat dakwah, tetapi juga berita-berita semasa serta rencana-rencana yang bersifat umum dan juga sastera dan budaya.

Selain daripada itu beberapa buah akhbar mingguan yang terbit secara berkala atau terbit untuk hanya beberapa keluaran sahaja diterbitkan. Akhbar-akhbar itu ialah *Kinabalu Weekends* yang diterbitkan pada tahun 1978 dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Kadazan. Pada tahun 1979 terbit lagi sebuah akhbar mingguan *Warta Minggu* berbahasa Melayu, Inggeris, Kadazan dan Bajau. Bagaimanapun, akhbar ini juga tidak bertahan lama.

Terdapat juga akhbar mingguan berbahasa Melayu sepenuhnya diterbitkan, tetapi tidak ada yang bertahan lama. Satu-satunya akhbar mingguan berbahasa Melayu sepenuhnya yang telah bertahan lama ialah *Utusan Rakyat* yang diterbitkan oleh Gabungan Penulis-penulis Sedar (GAPURA). Akhbar ini diterbitkan pada 1976 hingga 1982. Bagaimanapun akhbar ini tidak dijual di pasaran kerana sirkulasinya amat terhad dan hanya dilanggan oleh ahli-ahli GAPURA di seluruh Sabah serta beberapa buah institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia. Akhbar-akhbar mingguan berbahasa Melayu sepenuhnya yang lain termasuklah *Utusan Bumiputera* yang diterbitkan pada 1965, tetapi penerbitannya terhenti dan kemudian disambung semula pada 1972, tetapi juga tidak lama. *Fajar Sabah* akhbar mingguan berbahasa Melayu yang pertama di Sabah diterbitkan pada Oktober 1965 hingga Januari 1966, *Suara Sabah* diterbitkan pada (1976), tetapi juga tidak bertahan lama. Kebanyakan akhbar-akhbar yang disebutkan di atas oleh persatuan atau orang perseorangan dan bukannya oleh syarikat-syarikat penerbitan. Ini mungkin menjadi salah satu sebab mengapa akhbar-akhbar berkenaan tidak bertahan lama.

Pertengahan dekad 70-an menyaksikan pergolakan politik di Sabah apabila Parti Berjaya ditubuhkan pada bulan Julai 1975 bertujuan untuk menentang parti yang memerintah pada masa itu, iaitu USNO. Perkembangan ini turut mempengaruhi, malah melibatkan dua buah akhbar utama di Sabah dengan salah sebuah daripadanya memihak kepada kerajaan manakala yang satunya lagi memihak kepada parti pembangkang yang baru ditubuhkan itu. Tugas akhbar pada masa itu kelihatan seolah-olah menjadi lidah rasmi parti-parti politik berkenaan.

Kejatuhan parti yang memerintah selepas pilihan raya tidak mampu meredakan suasana kerana pergolakan politik berterusan selepas itu. Cuma bezanya barangkali ialah pada kali ini, akhbar-akhbar lebih banyak memberikan sokongan kepada pihak kerajaan. Peranan akhbar pada kali ini lebih menjurus kepada pembangunan. Liputan berita akhbar-akhbar tempatan, khususnya akhbar-akhbar berbahasa Melayu lebih tertumpu kepada usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

Dekad 80-an dan 90-an ditandai dengan kebangkitan gelombang kedua pergolakan politik di Sabah bermula dengan pergolakan dalam parti pemerintah sendiri yang membawa kepada penubuhan sebuah lagi parti politik yang kemudian berjaya menumbangkan kerajaan yang memerintah. Kemenangan parti pembangkang ini menyebabkan berlakunya apa yang disifatkan oleh kebanyakan pemerhati politik sebagai percubaan rampasan kuasa di Istana Negeri disusuli dengan tunjuk perasaan dan kejadian letupan dan pembakaran. Jauh di luar Kota

Kinabalu, orang ramai bangun lebih awal dan tertumpu di kedai atau gerai-gerai penjual surat khabar untuk membeli surat khabar semata-mata kerana hendak mengetahui perkembangan terkini dalam pergolakan itu. Akhbar rupanya memberikan mereka maklumat yang lebih memuaskan berbanding dengan media lain kerana akhbar biasanya menyajikan laporan tentang sesuatu peristiwa itu secara lengkap dan lebih terperinci serta menyeluruh.

Di sinilah dilihat betapa pentingnya peranan akhbar sebagai penyampai maklumat kepada khalayak pembaca. Memang sebenarnya akhbar tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat, kerana akhbar itu sendiri menurut wartawan terkemuka Malaysia, A.Samad Ismail adalah sebahagian daripada anggota masyarakat (siri syarahan umum USM, Pulau Pinang, 6 Oktober, 1989)

Sebenarnya apa sahaja perkembangan yang berlaku dalam masyarakat, adalah sesuatu yang perlu diketahui oleh anggota masyarakat itu dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab akhbar untuk melaporkannya secepat dan setepat mungkin.

Maka demikianlah, apa sahaja pergolakan yang berlaku dalam masyarakat, bukan sahaja turut mempengaruhi perkembangan persuratkhabaran di Sabah, malah turut menguji kewibawaan serta peranannya sebagai penyampai maklumat yang bebas kepada khalayak ramai. Para penerbit akhbar juga mula menyedari tentang keperluan serta pentingnya akhbar berbahasa Melayu di Sabah, terutama selepas bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa rasmi di negeri ini dan dua buah akhbar utama kebangsaan, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memasuki pasaran di Sabah.

Berikutan itu akhbar *Daily Express* menambah halaman edisi bahasa Melayunya daripada tiga muka kepada tujuh muka serta mengubah format penerbitannya daripada menyisip di tengah-tengah halaman bahasa Inggeris kepada bentuk *full out* seperti yang ada sekarang.

Demikian juga dengan akhbar Kinabalu Sabah Times, turut menambah halaman bahasa Melayunya kepada enam muka penuh. Selain daripada akhbar-akhbar yang sedia ada menambahkan halaman bahasa Melayu mereka, beberapa akhbar baru juga muncul di pasaran. Antara akhbar baru yang terbit sekitar 1980-an/90-an ialah Borneo Mail dan Borneo Post masing-masing dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Kadazan. Satu-satunya akhbar harian berbahasa Melayu sepenuhnya yang pernah diterbitkan di Sabah ialah *Harian Mercuri*. Akhbar ini bagaimanapun tidak bertahan lama.

Selain daripada akhbar-akhbar yang disebutkan di atas, terdapat juga akhbar-akhbar berbentuk tabloid yang diterbitkan sebagai lidah rasmi sesebuah parti. Akhbar-akhbar itu ialah *Suara Bersatu* yang diterbitkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) dan *Berita Sabah* yang dimiliki oleh Datuk Dr Jeffrey Kitingan. Sesuai dengan fungsi dan peranannya sebagai lidah rasmi parti politik, akhbar-akhbar ini lebih banyak melaporkan tentang kegiatan-kegiatan parti serta pemimpin-pemimpinnya.

Bagaimanapun, kedua-duanya kini tidak lagi kelihatan di pasaran. Sebuah lagi akhbar mingguan tabloid yang terbit di Sabah ialah *Media CBS.*, Akhbar ini

diterbitkan dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Kadazandusun dengan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya. Selain menyiarkan berita dan analisis politik, akhbar ini juga menyiarkan berita-berita penyiasatan dan kadang-kadang berita atau laporan yang agak sensasi.

Kemunculan alaf baru (alaf ke-3) membuka pintunya untuk kita memasuki era Teknologi Maklumat (IT), globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang membawa pelbagai cabaran. Dengan perkembangan pesat dunia siber ini, penyaluran maklumat secara global dan pantas juga berkembang maju melalui internet (*on line*). Perkembangan ini tidak syak lagi telah membawa cabaran yang besar bagi penerbitan akhbar di Sabah, khususnya akhbar-akhbar berbahasa Melayu. Perubahan-perubahan ini, di samping membawa cabaran, juga memberi faedah kepada industri persuratkhabaran. Penghantaran maklumat yang lebih pantas melalui e-mel, penggunaan komputer menggantikan mesin linotaip (*linotype*) dan mesin tulis (*type writer*) adalah antara perubahan yang menjadikan kerja-kerja sidang pengarang sesebuah penerbitan akhbar menjadi lebih pantas dan mencabar, tetapi memerlukan kemahiran dalam penggunaan peralatan yang lebih canggih.

Peranan dan cabaran

Pada peringkat awal penerbitan akhbar-akhbar berbahasa Melayu di Sabah, sidang pengarangnya dikuasai oleh pejuang-pejuang bahasa yang berjuang untuk mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu di Sabah. Mereka ini terdiri daripada

K.Bali (Allahyarham), A.K Aliuddin, A.Khalik K.Zaman (Datuk), Jamdin Buyong (Datuk), dan Herman Noor Ayob. Kerana itu sebelum penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Sabah akhbar mempunyai peranan penting dalam perkembangan sastera dan bahasa Melayu, seperti kata, Abdul Aziz Ahmad: "Surat khabar adalah nadi bagi perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu di Sabah khususnya dalam bidang cerpen, sajak dan esei kesusasteraan".

Meskipun tugas utama akhbar ialah menyampaikan maklumat tentang sesuatu peristiwa kepada khalayak ramai, namun peranannya dalam bidang-bidang lain seperti bahasa, pendidikan, hiburan dan kebudayaan tidak dapat dinafikan. Dalam perkembangan bahasa Melayu di Sabah, akhbar-akhbar tempatan mempunyai peranan penting dengan:

1. Membantu menyebarkan istilah-istilah bahasa Melayu yang telah dikumpul dan disahkan oleh Jawatankuasa Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memudahkan orang ramai menggunakan istilah-istilah yang betul menurut konteks penggunaannya.
2. Membantu menyebarkan kosa kata (perbendaharaan kata) daripada bahasa-bahasa daerah untuk diserapkan ke dalam bahasa Melayu (jika sesuai) bagi memperkayakan lagi perbendaharaan bahasa Melayu.
3. Berusaha menggunakan bahasa baku baik dalam laporan, mahupun dalam rencana atau esei yang disiarkan bagi mempertingkatkan lagi mutu penggunaan bahasa Melayu.
4. Penyiaran karya-karya sastera setiap hujung minggu (cerpen dan sajak) secara tidak langsung membantu pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu

di Sabah.

Dalam bidang yang lain, peranan akhbar-akhbar berbahasa Melayu di Sabah lebih menjurus kepada konsep *Development Journalism* yang menurut A.Samad Ismail diterima serta diakui secara meluas sebagai *priority* atau keutamaan yang mengatasi kepentingan lain oleh media Dunia Ketiga.

Development Journalism ialah satu konsep kewartawanan yang menggalakkan para wartawan bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha membangunkan negara.

Selain daripada menghidangkan maklumat tentang berita-berita semasa dalam dan luar negara, akhbar-akhbar berbahasa Melayu di Sabah juga tidak melupakan tanggungjawab kemasyarakatan dengan menyediakan ruangan pendidikan, kepenggunaan di samping surat pembaca yang memberi peluang kepada para pembaca menyuarakan pendapat mereka tentang sesuatu perkara sama ada pro atau kontra.

Pada hakikatnya akhbar-akhbar berbahasa Melayu di Sabah telah memainkan peranannya dalam membantu kerajaan membangunkan negeri, ini termasuklah turut serta dalam mempromosikan pelancongan. Namun begitu terdapat juga pelbagai cabaran dan masalah yang dihadapi terutama dari segi penyediaan menyediakan kakitangan yang mahir, terlatih dan memahami dengan baik etika kewartawanan serta undang-undang yang berkaitan dengan kewartawanan.

Persuratkhbaran di Sabah kini sedang dalam proses pertumbuhan ke arah pematangannya dan memerlukan kakitangan yang mempunyai kemampuan dan

bertanggungjawab serta bersedia menghadapi cabaran era Komunikasi Teknologi Maklumat dan dunia tanpa sempadan.

Bagi para penerbit akhbar, barang kali sudah tiba masanya bagi mereka memikirkan keperluan untuk menerbitkan akhbar berbahasa Melayu yang berdiri sendiri, baik dari segi penerbitannya mahu pun dari segi pemasarannya. Kalau akhbar-akhbar kebangsaan seperti *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* yang mempunyai edaran cukup lumayan di Sabah boleh laris di pasaran, maka tidak mustahil akhbar berbahasa Melayu tempatan tidak boleh menandinginya asalkan persembahannya memenuhi kehendak semasa.

Terdapat hanya empat buah akhbar harian yang mengandungi ruangan atau edisi bahasa Melayu di Sabah, dua buah daripadanya berbentuk *broadsheet* manakala dua buah lagi berbentuk *tabloid* dengan jumlah edaran antara 58,000 hingga 84,000 naskhah sehari dengan akhbar Daily Express menduduki tempat teratas dengan edaran antara 32,000-36,000 naskhah sehari manakala The New Sabah Times antara 14,000-16,000 naskhah sehari, manakala Borneo Mail dan Borneo Post masing-masing mempunyai edaran antara 6,000-8,000 sehari. Sementara itu akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* masing-masing mempunyai edaran di Sabah antara 14,000 dan 16,000 naskhah sehari.

Agak sukar untuk menentukan jumlah pembaca akhbar berbahasa Melayu di Sabah kerana akhbar-akhbar dijual sekali gus bersama dengan edisi bahasa Inggeris. Tetapi apa yang jelas ialah pembaca akhbar berbahasa Melayu semakin meningkat dan akan terus meningkat pada hari-hari akan datang.

Sekian.

RUJUKAN:

1. Muhamad Rosli Selamat, Amalan dan Prinsip Kewartawanan
Universiti Putera Malaysia (2000)
2. Abdul Aziz Ahmad: Cerpen-cerpen Melayu Sabah (1963-1975):
Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur, Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Tesis untuk mendapatkan Sarjana
Muda Sastera, 1989/80
3. Surya Irawan, Aspek Bahasa dalam Penulisan Teks Berita, Wadah,(DBP)
Ogos, 1999.
4. Ismail Abbas, Bahasa Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya di Sabah,
Wadah (DBP), Mac 1988
5. Akhbar-akhbar tempatan
6. Abu Bakar Hamzah (Dr), Peranan suku kaum Brunei Dalam Perkembangan dan
Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan, Kongres Kebudayaan Kebangsaan,
Sabah, 1989.
7. Surya Irawan, Catatan tentang seminar bahasa Malaysia di Sabah, 1970.

BIODATA:

Surya Irawan atau nama sebenarnya Andi Samsiar bin Andi Jaya, adalah salah seorang penulis 1960-an yang bergiat dalam bidang penulisan sastera (cerpen, puisi dan esei kesusasteraan). Selain termuat dalam akhbar-akhbar tempatan, karyanya juga pernah termuat dalam majalah Dewan Sastera dan Berita Minggu. Cerpennya, "Gerimis Di Pagi Yang Bening" dan puisinya "Kota Kinabalu" pernah terpilih memenangi Hadiah Sastera Negeri Sabah (1972). Dua buah lagi cerpennya "Anak Yang Kembali" dan "Purnama Bulan Muharram" masing-masing memenangi hadiah pertama sayembara menulis cerpen anjuran Badan Bahasa Sabah (1975) dan Sayembara menulis cerpen berunsur Islam anjuran kerajaan negeri (1990).

Dalam bidang kerjaya, beliau pernah menjadi wakil akhbar *Mingguan Melati* di Labuan (1965-1966) dan pemberita sambilan *Berita Harian* (1972-1973). Beliau mula bertugas di akhbar *Daily Express* sebagai pemberita pada bulan Mac 1973. Pada tahun 1975, beliau dilantik sebagai pengarang (editor) bahagian bahasa Malaysia (*Harian Ekspres*) akhbar berkenaan hingga kini.